

## SATU CATATAN MENGENAI HUBUNGAN ANTARA FALSAFAH DAN SAINS SOSIAL\*

Kassim Ahmad

Sungguhpun ilmu-ilmu sejarah, politik, ekonomi dan sosiologi adalah bidang-bidang kajian yang popular di negara kita, falsafah, malangnya, langsung tidak digemari. Tidak ada fakulti falsafah di mana-mana universiti dalam negeri ini dan tidak ada pula, setahu saya, sebuah persatuan falsafah. Ini menunjukkan masyarakat dan universiti-universiti kita sekarang tidak mementingkan falsafah. Sebenarnya, falsafah bila-bila masa pun amat penting. Tidak ada satu bidang ilmu, malah tidak ada satu perkara yang boleh kita perkatakan secara bermakna tanpa, setidak-tidaknya secara tidak langsung, menyentuh falsafah. Apakah sebabnya? Secara ringkas, sebabnya ialah kerana bicara manusia tidak dapat tidak mestilah mengenai Alam, Manusia dan Tuhan; dan topik-topik ini boleh diringkaskan lagi kepada masalah Kewujudan atau Hakikat. Masalah Kewujudan atau Hakikat adalah masalah metafisika dan falsafah. Semua cabang ilmu — baik sains tabi'i maupun sains sosial — memperoleh statusnya sebagai ilmu kerana pertaliananya dengan metafisika dan falsafah.

Saya sedar ramai juga ahli sains yang menganggap metafisika sebagai tidak bermakna. Ahli-ahli falsafah pula berselisih tentang definisi dan fungsi falsafah. Bagi keperluan saya sekarang, saya akan menggunakan definisi falsafah berikut: "Falsafah ialah ilmu yang paling umum ... ilmu prinsip-prinsip pertama mengenai kewujudan; andaian-andaian mengenai hakikat muktamad." (D.D. Runes, *Dictionary of Philosophy*). Walaupun ada aliran-aliran falsafah yang tidak menerima definisi ini, buat tujuan kita definisi ini baik dan memadai. Kita boleh melihat dari definisi ini bahwa bukan sahaja sains sosial tetapi semua ilmu dirangkumi dan mempunyai hubungan dengan falsafah, samada diakuti atau tidak.

---

\*Rencana ini berdasarkan nota-nota kasar kertas seminar di atas tajuk sama anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 13hb Oktober, 1982.

Secara kongkrit, apakah hubungan di antara sains sosial dengan falsafah? Oleh kerana sains sosial mengkaji masyarakat dan masyarakat terdiri dari manusia, satu soalan pokok yang tidak dapat dielak ialah: Apakah manusia? Adakah ia haiwan? Berapa banyakkah aspek kehainanannya, dan berapa banyak aspek bukan-kehainanannya? Apakah faktor-faktor yang membangunkan aspek bukan-kehainanannya? Bagaimanakah timbulnya masyarakat dan kelompok-kelompok? Apakah undang-undang sejarah, sosial dan moral yang menyebabkan perubahan masyarakat? Apakah kedudukan, peranan dan hubungan kedamaian dan konflik dalam perkembangan dan perubahan masyarakat? Apakah corak-corak masyarakat yang telah lalu dan akan datang? Sejauh manakah peranan kebebasan dan takdir dalam kehidupan manusia? Apakah sifat hakikat muktamad? Soalan-soalan ini menunjukkan bahwa ilmu-ilmu sains sosial, samaada kita suka atau tidak, tidak boleh berdiri sendiri. Ia terpaksa dihubungkan dengan sesuatu falsafah atau tanggapan mengenai kewujudan, walaupun ilmu-ilmu itu sendiri menafikan hubungan ini. Ini tidak bermakna bahwa seorang ahli sains sosial atau seorang ahli sains dengan sendirinya mesti juga seorang ahli falsafah. Ia bermakna seseorang ahli sains, termasuk ahli sains sosial, mempunyai tanggapan-tanggapan falsafah.

Apakah tanggapan-tanggapan falsafah sosiologi di negara kita? Negara kita memiliki dua tradisi intelektual yang besar iaitu tradisi intelektual Barat dan tradisi intelektual Islam. Malangnya, kebanyakan kita dari tiga generasi selepas Perang Dunia Pertama, dari generasi Tengku Abdul Rahman atau Ishak Hj. Muhammad hingga ke generasi Anwar Ibrahim atau Latiff Mohidin, terdidik dalam tradisi intelektual Barat. Tentunya ini bukan kesalahan kita; sejarah telah menentukan demikian. Tradisi ini telah membentuk bukan sahaja alam pemikiran kita tetapi juga mempengaruhi kelakuan kita.

Tradisi intelektual Barat, walaupun terbahagi kepada dua aliran besar (idealisme dan materialisme) mempunyai satu ciri yang sama, iaitu dualisme falsafah. Dualisme ini terletak pada pertengahan di antara fikiran dan badan, atau di antara kesedaran dan benda. Ia mempunyai akar-umbi dalam falsafah Yunani lagi, tetapi mencapai bentuk yang jelas apabila Descartes (1596 — 1650) memulakan zaman moden dalam falsafah Barat. Dualisme falsafah ini mencetuskan dua aliran falsafah besar, iaitu idealisme dan materialisme, masing-masing dalam pelbagai pecahannya diwakili, di satu pihak, oleh Berkely, Spinoza, Leibniz, Kant, Hegel dan Bradley, dan di pihak

lain, oleh Hobbes, Locke, Hume, Marx dan Russell. Kedua-dua aliran falsafah ini telah gagal menyelesaikan masalah hubungan di antara kesedaran dan benda.

Dualisme falsafah ini telah menyebabkan perpisahan dan menghalang integrasi di antara dua kaedah saintifik, kaedah empiris dan kaedah teoritis. Ia juga telah menyebabkan perpisahan dan menghalang integrasi di antara sains dan agama. Kaedah empiris menumpu kepada pemerhatian, penyiasatan dan pengumpulan data dan menolak pewujudan teori, sementara kaedah teoritis pula menumpu kepada pembuatan teori dan mencari data untuk membuktikan teori. Perpisahan dan ketiadaan integrasi di antara dua kaedah saintifik dan perpisahan dan ketiadaan integrasi di antara sains dan agama bukan sahaja telah menyebabkan kemandulan dalam ilmu-ilmu tetapi juga telah menghapuskan keseimbangan dalam kehidupan.<sup>1</sup>

Sesuatu ilmu yang sihat mestilah menggabungkan kedua-dua kaedah saintifik ini. Tetapi penggabungan ini hanya dapat dilakukan oleh sebuah falsafah yang utuh. Persis inilah yang tidak ada dalam tradisi intelektual moden Barat. Francis Bacon (1561-1626) yang boleh dianggap bapa sains moden telah meletakkan asas sains dan pemikiran zaman Kebangkitan Semula di atas satu legenda atau metos. Dalam bukunya *On Principles and Origins* (1623-24) beliau merujuk kepada sebuah legenda yang menyatakan Cupid ialah tuhan yang tertua dan wujud pada permulaan masa seorang diri bersama-sama dengan Kacau-Bilau (*Chaos*). Cupid, mengikut legenda ini, tidak mempunyai ibu-bapa dan Kacau-Bilau tidak mempunyai permulaan. Bacon mentafsirkan ketiadaan ibu-bapa sebagai ketiadaan apa-apa sebab dan dengan itu beliau meneka bahawa dengan "Kacau-Bilau" bermakna jirim muktamad adalah punca segala benda material yang wujud. Jirim muktamad ini, kata beliau, "ialah satu benda positif dan tidak boleh dihuraikan dan mestilah diterima secara mutlak sepertimana adanya dan tidak boleh dinilaikan mengikut apa-apa ukuran terdahulu." "Adalah mustahil," kata beliau, "untuk mencari atau mengandaikan sesuatu sebab bila kita berhadapan dengan tenaga muktamad dan undang-undang positif alam ... kerana tidak lain yang telah merusakkan falsafah begitu banyak kecuali usaha mencari ibu-bapa

<sup>1</sup>Krisis di dalam pelbagai bidang ilmu dan kehidupan yang dihadapi oleh dunia moden sejak beberapa dekad lalu telah diceritakan dengan baik dan ringkas di dalam buku. Sorokin (1941). Lihat juga satu siri empat artikel yang menarik berjudul "Second Thoughts About Man" dalam majallah TIME keluaran 2, 9, 14 dan 23 April, 1973.

Cupid; yakni ahli falsafah telah tidak menerima prinsip-prinsip benda sebagaimana terdapat di dalam alam, dan telah tidak menerima mereka sebagai satu doktrin positif bersandarkan pada kepercayaan kepada pengalaman-pengalaman; tetapi sebaliknya mereka lebih suka menariknya dari undang-undang perbahasan, kesimpulan-kesimpulan murah dari logik dan matematik, dari anggapan-anggapan masyarakat dan khayalan-khayalan fikiran demikian yang melampaui batasan-batasan alam (Urmson, 1960: 310). Hobbes mengistiharkan bahawa “Alam raya, yakni segala sesuatu yang ada, adalah jasad, yakni badan, dan memiliki dimensi-dimensi luas, lebar dan dalam; tiap-tiap bahagian badan adalah juga badan, dan memiliki dimensi-dimensi serupa, dan seterusnya tiap-tiap bahagian alam raya ialah badan dan yang bukan badan bukanlah dari alam raya.” Anggapan fikiran Renaissance menunjukkan bahawa yang wujud ialah dunia, dan tidak ada lain yang wujud kecuali dunia. Kepada sesiapa yang bertanya siapakah yang menjadikan dunia, jawapan yang telah dan senantiasa diberi ialah soalan ini tidak sah dan tidak saintifik! (Harris, 1954: 117 — 20).

Bila Descartes, pengasas falsafah moden Barat, bertolak dari skeptisme yang mengingatkan al-Ghazali, memperakukan kewujudan dirinya dari aktiviti fikirannya — *Cogito, ergo sum*: “saya berfikir, maka itu saya wujud” — beliau meletakkan atas falsafah kepada dualisme zaman Kebangkitan Semula yang sejak itu terus menghantui falsafah Barat. Mengikut Descartes, dunia terdiri dari dua zat yang berasingan: fikiran dan jasad. Dari kewujudan dirinya dan dunia yang terbatas dan tidak sempurna, beliau, melalui proses logik, mencapai kejayaan menerangkan kewujudan seorang Tuhan yang tidak terbatas dan sempurna. Dari dualisme Descartes, falsafah Barat menuju dua arah: dari arah fikiran, kepada Fikiran Mutlak atau Idealisme, dan dari jasad, kepada Jirim Mutlak atau Materialisme. Pada praktiknya, kedua-dua aliran tidak dapat dipisahkan secara penuh: idealisme Hegel merangkum jirim dan materialisme Marx tidak menolak fikiran.

Tradisi intelektual Islam kita, sebaliknya, tidak menghidap penyakit dualisme ini. S.H. Nasr berkata, “Falsafah Islam didasarkan pertamanya kepada metafisika dan hampir semua risalah mengenai falsafah tradisional memperkatakan asal dan kesudahan benda-benda yang melampaui pengetahuan manusia. Ahli-ahli falsafah Islam adalah golongan yang pertama menjadikan perbahasan tentang wujudnya pokok falsafah dan berusaha menghubungkan tiap-tiap benda yang wujud kepada Wujud Murni yang menjadi punca semua kewujudan. Tambahan lagi, di dalam perut metafisika mereka mengembangkan

sebuah falsafah alam yang luas dalam rangka satu pandangan dunia umum, mengemukakan satu hubungan yang rapat di antara pelbagai bentuk dan cabang ilmu-ilmu sains serta menghubungkan jamak kepada tunggal.” (Dar, 1975: 3). Ilmu-ilmu dan pelbagai aliran tauhid. Tidak wujud pertentangan di antara fikiran dan jasad dan tidak wujud pertentangan di antara agama dan sains atau di antara wahyu dan fikiran.

Bagaimanakah para saintis dan ahli falsafah Islam menyelesaikan masalah dualisme ini? Dari mulanya mereka tidak menghadapi masalah ini. Agama Islam telah mewujudkan, bagi mereka, satu pandangan hidup tauhid rasional yang meletakkan semua dan segala pada sumber dan atas kesatuan wujud.<sup>2</sup> Agama mereka juga menyuruh mereka mengkaji alam semesta sebagai tanda-tanda Tuhan, mengkaji sejarah sebagai bukti wujudnya undang-undang Tuhan yang objektif dan mencari ilmu di mana juga ia ada. Patuh kepada arahan ini orang-orang Islam dalam beberapa abad Islam awal bukan saja telah mengkaji dan mengasimilasi fikiran-fikiran Yunani, Parsi dan India, tetapi juga telah melakukan penyelidikan-penyalidikan dan penyiasatan-penyiasatan orisinil mereka sendiri. Dengan demikian, dalam masa tiga abad mereka telah berjaya membangunkan satu tamaddun intelektual agung dan kaya. Khazanah intelektual ini sebenarnya masih banyak terpendam dalam perpustakaan-perpustakaan di Eropah dan Asia Barat dan menunggu kajian oleh dunia moden. Satu daripada tugas besar yang perlu dilakukan dengan segera oleh sarjana-sarjana Islam ialah menterjemahkan dan menyediakan edisi-edisi saintifik bagi karya-karya ini.

Tetapi, malangnya, tradisi intelektual Islam ini telah beku bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia Islam selama kira-kira tujuh abad. Kemasuhan pusat empayar Islam pertama Baghdad pada 1258 Masehi bolehlah diambil sebagai permulaan kejatuhan tamaddun Islam dan kemerosotan tradisi intelektualnya yang dinaik dan kreatif. Perlahan-lahan, melalui hubungan-hubungan Eropah dengan Islam melalui Sepanyol, Itali dan Sicily, Eropah mengambil ilmu-ilmu yang telah dikumpul dan dibangunkan oleh tamaddun Islam hingga pada abad keenam-belas Kebangkitan Semula Eropah telah

---

<sup>2</sup>Ayat-ayat Quran yang menyatakan atau membayangkan hal ini amat banyak. Antaranya: “Tiada kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya kecuali dengan kebenaran.” (46: 3) “Tidakkah mereka yang mengingkari kebenaran sedar bahwa langit dan bumi (pada asalnya) satu, kemudian kami pisahkan keduanya?” (21: 30).

bermula dan berlaku. Lalu pusat dan pimpinan tamaddun dunia berpindah dari dunia Islam kepada Eropah, dan kepada Barat, sejak abad kesembilan-belas. Pada abad kedua-puluh ini pula tamaddun Barat sedang memainkan peranan negatif dan positif untuk membangkitkan semula Islam. Dengan mendidik cerdik-pandai Islam seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Syed Ahmad Khan, Syed Ameer Ali, Muhammad Iqbal, Ali Shariati, Malek Bennabi dan Hassan Hanafi<sup>3</sup> dan dengan membuat kajian-kajian mengenai pelbagai aspek tamaddun Islam, Eropah dan Barat telah dan sedang memainkan peranan yang tidak kecil untuk membangkitkan semula Islam. Pada pendapat saya, masanya adalah tepat bagi pertemuan dua tamaddun agung, dan, dengan itu, pertemuan semua tamaddun. Falsafah moden Barat sedang di ambang pintu mencapai kejayaannya yang terbesar, yaitu penyelesaian dualisme klasiknya dengan falsafah organisme A. N. Whitehead (Harris, 1964: 416 — 438). Pada pendapat saya, ini tidak dapat ia lakukan kecuali dengan pertolongan falsafah dan ajaran-ajaran Islam.<sup>4</sup> Seperti telah kita sebutkan, falsafah Islam tidak pernah menderitai penyakit ini kerana Quran dengan jelas mengajar konsep kesatuan hidup.

Penyelesaian dualisme tua dalam falsafah Barat ini, tidak syak lagi, akan membawa kesan-kesan yang besar kepada sains sosial dan cawangan-cawangan ilmu lain. Ia akan menggabungkan aliran-aliran falsafah yang bertentangan, idealisme dan materialisme, menjadi satu falsafah saintifik rasional yang utuh; menggabungkan kaedah-kaedah mengetahui yang bertentangan, maedah empiris, kaedah teoritis dan kaedah luar deria, menjadi satu kaedah saintifik rasional yang dinamik dan kreatif; dan menggabungkan sains, falsafah dan agama. Penyatuan ini akan mempermudah dan mempercepat perkembangan ilmu, kerana kontradiksi dualisme yang selama ini menghalangnya sudah disingkirkan dari pemikiran manusia.

<sup>3</sup>Malek Bennabi dan Hassan Hanafi tidak begitu terkenal di negara kita. Yang pertama (m. 1973) ialah seorang sarjana Aljazair yang masyhur yang telah memainkan peranan penting dalam kebangkitan intelektual di Afrika Utara. Yang kedua (lahir 1935) ialah seorang ahli falsafah Islam Mesir yang radikal.

<sup>4</sup>Seorang ahli falsafah moden Mesir telah berkata: “*The European conscience was divided into divergent trends, irreparably severed and disjointed. All efforts at synthesis between the two opposite trends failed ... A Human view is always unilateral despite gestaltism, integralism and totalism. Only Islam can direct the conscience to keep focus of things, the integrality of truth and to keep the balance between extremes. Islamic monotheism can guide the European conscience in its wilderness and aberration and guide it towards the focus of reality.*” (Hassan Hanafi, 1977: 67-8).

Seperti telah dilihat, ahli-ahli fikir *Renaissance* mencapai gagasan falsafah mereka dengan berdasarkan pengalaman mereka, yakni apa yang mereka alami melalui pencaindera. Bertolak dari pengalaman mereka, mereka menggunakan akal-fikiran untuk menarik kesimpulan-kesimpulan falsafah. Mereka sama sekali menolak agama dan kaedah-kaedah yang dipakai oleh tokoh-tokoh agama, misalnya Nabi-Nabi dan ahli-ahli Sufi. Sebaliknya, ahli-ahli falsafah dan ahli-ahli sains Islam bertolak dari wahyu dan mencapai pengetahuan mengenai kewujudan Tuhan Yang Esa dan mengenai kesatuan alam. Walau bagaimana pun, mereka tidak pula menolak kewujudan alam yang relatif dan kejamakannya.<sup>5</sup>

Soalnya, apakah epistemologi yang berdasarkan pandangan dunia *Renaissance* ini menasabah? Adakah manusia mengetahuni hanya melalui deria dan akalnya? Kita tahu bahawa deria dan akal hanya mencapai dunia yang bersifat material. Tetapi sejarah telah membuktikan kewujudan pengalaman-pengalaman di luar deria yang banyak, seperti pengalaman-pengalaman para Nabi, ahli Sufi dan mistik. Pengalaman-pengalaman ini tidak boleh ditolak tanpa menodai konsep sains sendiri, yakni mengiktiraf kenyataan, walaupun bertentangan dengan kepercayaan-kepercayaannya sendiri. Juga telah ditegaskan bahawa ilham — satu cara mengetahui di luar deria dan akal — memainkan peranan penting dalam perkembangan bukan sahaja seni dan falsafah tetapi juga sains (Sorokin, 1963: 247 — 48). Selain daripada itu, penemuan-penemuan mutakhir kajifizik telah meragukan kebendaan jirim yang dipercayai oleh sains sejak abad ketujuh-belas; sekarang atom tidak lagi bersifat material, malah ia bersifat bukan-material (Jeans, 1954: 383). Lebih jauh dari itu, ahli kajifizik terkenal, Sir James Jeans, mengaku bahawa "... kita tidak akan memperoleh pengetahuan pasti mengenai sifat hakikat." (1954: 364)<sup>6</sup>. Jelaslah epistemologi lama yang membataskan sumber-sumber pengetahuan kepada deria dan akal tidak meliputi semua pengalaman manusia yang sempit, dan tidak boleh menjelaskan masalah hakikat.

<sup>5</sup>"Tiada Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya kecuali dengan benarnya dan untuk satu tempoh yang ditentukan." (Quran, 46: 3) "Katakanlah: " Sekiranya samudera itu tinta untuk (menuliskan kata-kata Tuhanmu, pastilah ia kering sebelum habis kata-kata Tuhanmu (dituliskan) sekalipun Kami datangkan sebanyak itu lagi sebagai tambahan." (Quran, 18: 109).

<sup>6</sup>Banyak ayat Quran telah menjelaskan hal ini. Di antaranya: "Tiada Ia tercapai oleh penglihatan mata, tetapi Ia mencapai segala penglihatan." (6: 103). "Tiada suatu pun menyerupai-Nya." (42: 11) "Katakan: "Tiada siapa di langit dan di bumi mengetahui hakikat yang tersembunyi, kecuali Allah." (27: 65).

Kita telah melihat bahwa ini masalah falsafah, bukan masalah sains sosial atau sains dalam ertikata satu bidang kajian terbatas mengenai satu aspek hakikat, seperti manusia atau alam tabi'i. Sanis-sains Barat, termasuk sains-sains sosial, seperti telah kita lihat, berlandaskan falsafah naturalisme atau materialisme dan, dengan itu, telah memutuskan hubungannya dengan alam-alam *spiritual* atau *supernatural*. Dengan demikian, sains-sains ini tidak terdaya mencapai alam-alam *spiritual* dan *supernatural*. Inilah sebabnya ia menghadapi jalan buntu, seperti telah diakui oleh Sir James Jeans. Jelaslah bahawa jalan keluar dari kebuntuan ini ialah dengan kembali kepada kebenaran dan kepada jalan Islam<sup>7</sup> yang lurus. Tetapi kembali kepada Islam tidak bermakna kembali kepada agama dalam ertikata popular. Sejarah telah menunjukkan ada beberapa agama yang

<sup>7</sup>Islam dalam ertikata intinya yang sebenar telah dijelaskan di dalam Quran sebagai “jalan yang lurus”, “jalan keselamatan”, “agama kebenaran”, “undang-undang alam”, “cahaya Allah”, “kebenaran” dan sebagainya. “Pimpinlah kami ke jalan yang lurus, jalan mereka yang Kaukurniakan nikmat, bukan mereka yang Kaumurkai, dan bukan mereka yang sesat.” (1: 6 — 7). “Maka hadapdanlah wajahmu dengan taat kepada agama (yang satu-satunya benar), berpaling dari segala yang palsu, mengikut fitrah yang telah diletakkan Tuhan pada manusia: (untuk) tidak membenarkan apa-apa perubahan merusakkan apa yang telah demikian diciptakan Allah — inilah (tujuan) agama yang satu-satunya benar.” (30: 30) “Dialah yang telah mengutuskan RasulNya dengan (tugas menyibarkan) petunjuk dan agama kebenaran supaya Dia dapat menjadikannya mengatasi semua agama (palsu), walaupun ini tidak disukai oleh orang-orang musyrikin.” (9: 33) “Dan kepada Allah sujud segala yang di langit dan di bumi dengan sukarela ataupun terpaksa, seperti juga bayang-bayang mereka pagi dan petang.” (13: 15) “Mereka ingin memadamkan cahaya Allah dengan kata-kata mereka, tetapi Allah tidak akan membenarkan (ini berlaku), kerana Beliau menghendaki menyibarkan cahayaNya di dalam segala kesempurnaan, walaupun ini tidak disukai oleh orang-orang kafir.” (9: 32) “Alah membimbing dengannya siapa-siapa yang mencari keredaanNya kepada jalan-jalan keselamatan dan, dengan izinNya, mengeluarkan mereka dari lubuk kegelapan ke dalam cahaya dan memimpin mereka di atas jalan yang lurus.” (5: 16).

<sup>8</sup>Perkembangan-perkembangan moden dalam sains dan falsafah menunjuk ke arah tercapai sebuah falsafah demikian. E.E. Harris berkata: “Sains moden telah maju melampaui batasan sikap empiris dan cenderung kepada sikap falsafah. Sementara itu falsafah moden telah menjadi makin bertambah rapat kepada sains-sains dan filsuf-filsuf kita yang terkemuka adalah tokoh-tokoh sains yang terkenal. Ini bukan satu keadaan baru di dalam sejarah pemikiran, kerana di masa lampau jarang-jarang sekali saja berlaku perpisahan di antara sains dan falsafah. Tetapi gerakan yang bermula dengan *Renaissance*, sebagai tindak-balas terhadap kekejaman teologi Zaman Pertengahan, untuk memisahkan sains-sains sebagai bidang-bidang kajian bebas dari falsafah, telah berputar kembali ke titik permulaannya, dan sains, melalui penyelidikan-penyelidikannya sendiri, telah mengambil satu pendirian falsafah yang sekaligus bersepada dengan kumpulan teori saintifik.” (1954: 451).

menebak ilmu pengetahuan dan akal. Bahkan dunia moden Barat yang lahir dari *Renaissance* persis adalah hasil perjuangan-perjuangan pahit menentang teologi Kristian yang menebak dan sempit. Sejarah demikian tidak boleh dan tidak akan diulangi. Agama (Islam) yang dimaksudkan adalah agama seperti yang diterangkan dalam ayat-ayat Quran yang telah disebutkan. Daripada ajaran-ajaran agama seperti inilah kita boleh mengembangkan dan menyempurnakan satu falsafah saintifik yang utuh<sup>8</sup> yang boleh menjadi landasan kuat kepada perkembangan sains sosial dan, malah, semua ilmu.

### Rujukan

- Sorokin, P.A. (1941). *The Crises of Our Age*, New York.
- Sorokin, P.A. (1964). *Modern Historical and Social Philosophies*, New York.
- Jeans, Sir James. (1954). Some Problems of Philosophy. Dalam Saxe Commins & Robert N. Linscott (ed.). *The Philosophers of Science*, New York.
- Urmson, J.O. (1960). *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy and Philosophers*, New York.
- Harris, Errol E. (1954). *Nature, Mind and Modern Science*, London.
- Dar, B.A. (ed.) (1975). *Reorientation of Muslim Philosophy*, Lahore.
- Harsan Hanafi (1977). *Religious Dialogue and Revolution*, Cairo.

